

KONSEPSI ISLAMI DALAM KORPUS SASTERA

Mohd Zuhdi Ismail*

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan
mohdzuhdi@uitm.edu.my

Muhammad Saiful Anuar Yusoff, Muhamad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan

Abstrak: Kajian ini mengetengahkan korpus konsep Sastera Islami. Dalam menyepadukan Sastera Islami yang domain, konsep ini perlu disepadukan bersesuaian dengan arus kemajuan tanpa meninggalkan komponen penting nilai-nilai Islam. Ia adalah kajian kepustakaan dengan mengetengahkan realiti yang berlaku selaras dengan tasawur Islami. Metodologi kajian ini tertumpu pada metode komparatif serta pengamatan nilai Islami yang tercerna daripada ajaran Islam. Sastera Islami terhasil dari pelbagai aspek kesusasteraan, sama ada tema, ciri estetik, karya, karyawan dan sebagainya. Justeru, keselarasan aspek-aspek di atas amat penting agar model atau kerangka genre sastera tidak tersasar daripada Islam dan norma-normanya, serta tidak dimanipulasikan oleh sesetengah golongan yang mencalarkan imej Islam. Kesimpulan yang dapat dirumuskan dalam kajian ini menunjukkan konsep Sastera Islami tulen berteras nilai yang terdapat dalam Islam perlu diterapkan dalam penghasilan sastera, di samping kesedaran serta pengamatan dan penghayatan ajaran Islam dalam kalangan sasterawan demi menyampaikan hasil Sastera Islami yang sebenar, khususnya kepada khalayak Muslim.

Kata Kunci: Konsepsi, Islami, korpus, sastera

1. Pengenalan

Sasterawan Muslim diamanahkan bagi mengungkap serta menterjemahkan pemikiran dan naluri umat Islam. Ia dapat dicapai apabila tasawur akidahnya betul dan pengetahuannya tentang Islam mencukupi. Justeru, para sasterawan Muslim terikat dengan Islam dan normanya, komited kepada prinsip serta cabang-cabangnya.

Dalam kajian ini, pengkaji membincangkan konsep Sastera Islami sebenar bersesuaian dengan arus pemodenan yang melanda masyarakat Islam masa kini supaya ia dapat direalisasikan berdasarkan teori-teori yang dinyatakan dalam kajian ini.

2. Latar Belakang Kajian

Islam merupakan dorongan dan motivasi yang berkesan ke arah kecemerlangan dan keberkekalan bahasa Arab serta kesusasteraannya. Menurut al-Nadwi (1985) kesusasteraan menyambut baik Islam dan menjulangnya sehingga menjadi pakaian kesusasteraan serta memikul tanggung jawab dalam mengungkap dan mempersesembahkannya. Rasulullah S.A.W adalah pencetus agung Islam dalam memantapkan bahasa serta kesusasteraan Arab. Baginda bukan sahaja penyair tetapi juga dapat memahami dan menghayati nilai keseniannya.

Proses pengislaman sastera ialah inovasi karyawan dalam pengkaryaan melalui pandangan akhlak ke arah prinsip iltizam dengan difungsikan sastera bagi memantapkan akidah, syariah, nilai-nilai, ajaran, dan matlamat Islam (al-Islamiyah fi al-adab, 2011). Pendirian Islam mengenai sastera amatlah jelas, iaitu mendorong ke arah perkataan baik, dan menjauhi kemungkaran. Matlamat Islam untuk memberi kebebasan dalam segenap aspek kehidupan dengan garis panduan yang ditetapkan (Haddarah, 1998). Dari sini, jelaslah keberkesanan sastera tersebut dalam menangani isu-isu semasa dan kehidupan, dengan peranan yang dimainkan karyawan tersebut bagi jangka waktu panjang. Justeru, lahirlah hasil sastera yang diadun dengan akhlak, tasawur dan teori Islam yang merangkumi alam, kehidupan dan manusia. Ia terbit dari kejelasan yang mencerminkan hakikat hubungan manusia dengan agama dan makhluk-makhluk lain selaras dengan tuntutan Islam.

* Corresponding author: Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Kelantan, Bukit Ilmu, 18500 Kelantan, *mohdzuhdi@uitm.edu.my*

3. Kajian Lampau

Penggunaan istilah ‘Kesusasteraan Islami’ merupakan satu topik yang sangat dibincangkan pada era 70-an dan 80-an, sehingga sesetengah beranggapan bahawa penggunaan kalimah ‘Islam’ selepas kata nama seperti ‘Makanan Islam’ tidak memadai penggunaannya dalam bidang kesusasteraan, kecuali digunakan perkataan ‘Islami’ yang bermaksud dari sudut pandangan Islam atau yang bersesuaian dengan nilai dan ajaran Islam. Penggunaan frasa Kesusasteraan Islami sesungguhnya mengelakkan pemahaman dan pemikiran yang salah (Rahmah Ahmad Osman & ‘Adli Ya‘qub, 2008). Kamariah Kamarudin (2011) berpendangan pengkaryaan sastera berteraskan Islam merupakan satu motivasi dan pendedahan agar kesedaran Islam dapat direalisasikan.

Menurut al-Nadwi(1985), aktiviti kesusasteraan tidak menjadi halangan dan membantutkan proses ajaran serta perjalanan Islam. Ia hendaklah berfungsi bagi mencapai misi dan visi ke arah mengungkap serta menggambarkan aspek-aspek kehidupan selari dengan prinsip dan nilai-nilai Islam.

4. Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini berbentuk perpustakaan dengan menggunakan pakai metode ideologi tentang konseptual Sastera Islami era moden yang digagaskan oleh beberapa sarjana Muslim. Ia memberi penekanan kepada konseptual sastera Islam yang merangkumi hasil serta nilai sastera terbabit, serta kriteria sasterawan Islam itu sendiri. Kedua-dua elemen ini merupakan tulang belakang sesuatu genre atau aliran sastera.

Pengumpulan serta penganalisisan data yang dilakukan berdasarkan teknik pemerhatian dalam menentukan tahap kebertanggungjawaban dalam pengislaman konsep sastera dan sasterawan. Justeru, hasilnya menjurus kepada kesedaran serta inisiatif sasterawan itu sendiri.

5. Peranan Sastera dalam Islam

Antara fungsi Sastera Islami adalah dalam bidang dakwah, majlis keagamaan, nas-nas pembacaan *ibtihal* dan doa-doa serta ungkapan kalimah Islam. Ia merupakan tradisi dan adat dalam kalangan masyarakat Islam di mana-mana tempat. Manakala fungsi Sastera Islami lain diragui tahap kesusasteraan Islamnya. Perkara ini terjadi kerana ia tidak melambangkan imej Islami yang sebenar, tetapi masih berada dalam ruang lingkup Islam, selagi tidak bercanggah dengan larangan Allah S.W.T dan Rasul-Nya. Rasulullah S.A.W sendiri tidak menolak sastera ini. Baginda mendengar dan menikmati puisi Jahiliah tanpa mempertikaikannya, lebih-lebih lagi puisi Ka'b ibn Zuhayr dan memberi penghargaan padanya. Hal ini kerana kandungan puisi tersebut tidak terkeluar daripada batasan yang dilarang dalam Islam. Para Sahabat (r.a) sentiasa memastikan kandungan ungkapan kesusasteraan tidak terkeluar dari batasan tersebut seperti yang berlaku kepada Sayidina ‘Umar al-Khattab (r.a) apabila beliau mendapati al-Hutayah²⁶ memburuk-buruk imej seorang sahabat bernama al-Zubraqan ibn Badr²⁷ (r.a) dengan mencacinya. Al-Zubraqan tidak memburuk-burukkan dan menzaliminya. Dia hanya tidak berpuas hati tentang puisi al-Hutayah. Perbuatan al-Hutayah menjatuhkan maruahnya di hadapan masyarakat. Saidina ‘Umar menghukumnya dengan menegah puisi-puisi sampai kepada masyarakat dan melepaskannya selepas bertaubat (al-Nadwi, 1985).

Sastera Islami tidak menganggap keyakinan sebagai sesuatu yang sia-sia, tetapi menjadikannya sebagai imej akidah, kehidupan dan amalan. Kehidupan pada pandangan Sastera Islam bukanlah impian kosong, mimpi yang menakutkan serta kesunyian, tetapi dipenuhi dengan realiti kehidupan sebenar, berbekalkan impian dan pengharapan serta dikelilingi saudara dan sahabat handai. Justeru, watak seseorang Muslim ialah menyinari kehidupannya yang gelap, menyebarkan risalah keadilan, kebaikan, kebebasan serta kecintaan, di samping menghulurkan pemberian sehingga kehidupan ini dipenuhi dengan kenikmatan, keindahan dan kebahagiaan. Dia juga perlu mendendangkan lirik untuk berjumpa dengan Allah S.W.T di penghujung perjalannya, didasari keyakinan bahawa perjalanan tersebut

²⁶ Nama beliau ialah Abu Mulaykah, Jarwal bin Awus. Diberi gelaran al-Hutayah kerana rendah fizikalnya. Merupakan pemuisi yang suka mengemam dalam puisinya.

²⁷ Nama penuhnya ialah Zubraqan bin Imra’il Qays bin Khalaf. Diberi gelaran al-Zubraqan kerana kekacakannya. Seorang pemuisi yang fasih dalam Bahasa Arab dan menjadi buta pada penghujung usianya.

menuju ke syurga Allah S.W.T. Sastera Islami bukanlah sastera angan-angan dan tidak berasas, tetapi sastera impian dan kehidupan (Mohd Zuhdi Ismail, 2013).

6. Perbezaan Sastera Islami dengan Lainnya

Keunggulan dan keistimewaan Sastera Islami dengan mana-mana sastera yang terdapat di muka bumi ini adalah dalam menjaga dan memelihara kebijakan kehidupan sejagat. Hal ini kerana Sastera Islami mendapati aktiviti yang berlaku dalam kehidupan dapat dibezakan antara yang layak dengan ciri kemanusiaan dengan yang tidak layak. Ia merupakan sastera yang komited terhadap perkara tersebut dan kemaslahatannya, bukan terhadap kejumudan serta menjadi ‘pak turut’ sahaja. Sastera Islami tidak menjatuhkan imej dan mencetuskan skandal melainkan pada ruang terhad yang mempunyai kemaslahatan. Pendapat yang menyatakan Sastera Islami terhad dan sempit ruang lingkupnya adalah salah. Para penggiat sastera tidak merasa jemu untuk berkecimpung di dalamnya serta mendapati sastera dapat memberi kepuasan yang dicari dalam kehidupan ini (al-Nadwi, 1985).

Antara percanggahan ketara Sastera Islami dengan sastera klasik umumnya adalah ciri terlampau yang ditonjolkan sastera klasik dalam menggambarkan hakikat ke tahap kesempurnaan, sehingga ia tidak lagi menjadi realiti. Akhirnya ia menjadi sastera khusus kepada golongan tertentu dan bukan tidak lagi realiti yang berlaku. Sastera Islami hanya menggambarkan hakikat kemanusiaan, tidak ketuhanan. Hakikat kemanusiaan sentiasa berubah-ubah dari satu masa ke masa lain, begitu juga realiti yang berlaku. Maka sastera klasik lebih menumpukan kepada golongan tertentu, manakala Sastera Islami pula untuk semua manusia (Subh, 1998).

Dalam konteks era moden, terdapat beberapa aliran dan fahaman sastera yang bertentangan dengan Sastera Islami, antaranya aliran realiti yang menonjolkan unsur kejahatan sahaja dengan ketidaan kebaikan, aliran simbol sebagai teka-teki dalam menjawab persoalan yang bermain dalam minda, dan aliran falsafah yang memfokuskan kewujudan manusia dalam realiti kemasyarakatan akibat tekanan material, jiwa serta pertarungannya. Sastera Islami berhadapan dengan aliran-aliran ini pada setiap era dan waktu, sentiasa mengekalkan metodologi, prinsip dan ketulenannya, di samping menangkis propaganda aliran-aliran tersebut. Justeru, kesannya menjadikan Sastera Islami bertambah mantap, merangkumi serta lebih realiti dan positif. Sastera Islami menerima apa jua pembaharuan baik kesusasteraan klasik mahupun moden, asalkan tidak bercanggah dengan metodenya (Subh, 1998).

Hakikat yang perlu difahami, Sastera Islami berbeza dengan mana-mana kandungan serta ciri-ciri keagamaan yang menyeleweng daripada akidah Islamiah, sama ada daripada agama *samawi* atau lainnya. Perkara ini bertentangan kerana sifat keterbukaan dalam aktiviti dan program. Kesusasteraan Islami mestilah berasaskan naluri Islami bermutu serta nilai kemanusiaan tinggi demi meringankan impian dan bebanan manusia. Ia bukan untuk mendorong ke arah persengketaan berkekalan serta menjerumuskan kepada kemenangan akibat kehancuran orang lain. Justeru, proses pengislaman dalam kesusasteraan menolak apa jua cubaan untuk mengaitkannya dengan fahaman atau ideologi selain Islami. Sastera Islami dapat mendepani pelbagai isu sepanjang masa dan mana-mana tempat. Ia merupakan tautan serta jalinan erat antara manusia dan kepercayaannya. Maka hasil dan ideologi kesusasteraan Islami berbentuk sarwajagat, manakala cetusan nalurinya merangkumi segenap aspek kehidupan, sama ada realiti yang dilihat atau imaginasi yang dialami. Kesemua ini merupakan kesinambungan daripada matlamat asas Islam, iaitu menjadikan dunia ini sebagai tempat tinggal bahagia bagi sekalian manusia dalam meneruskan kehidupan mereka (Mohd Zuhdi Ismail, 2013).

7. Konseptual Sastera Islami

Menurut Ahmad Rahmani (2004), Islam menentukan beberapa analogi ciri estetik Sastera Islami dalam analisis sastera dan penjelasan fenomena keindahan dan moral, antaranya:

- a) Berpegang kepada prinsip sastera adalah risalah (perlu disampaikan kepada orang lain) atau bermatlamat. Maka dari situ terbitlah kekuatan iman, kesejadian moral dan kemantapan kemampuan dalam mengerjakan kebaikan. Justeru, Sastera Islami yang beriltizam dengan nilai-nilai yang dibawa oleh tasawur Islami sebenar, bukan bertujuan untuk mensia-siakan nilai-nilai estetik, tetapi prinsip kejelasan menjadi tanggungjawab serta fungsi sesuatu perkataan (kalimah).

- b) Sastera Islami menitikberatkan *madmun* yang tercetus dari nilai-nilai Islam tulen, dan *shakl* dalam membentuk gabungan ungkapan yang tulus, di samping natijah serta keberkesanannya kepada diri pendengar atau pembaca.
- c) Sastera Islami hendaklah berasaskan kaedah-kaedah yang dijelaskan al-Qur'an
- d) Tercetus dari pandangan Islam mengenai alam dan kehidupan. Asas akidah dianggap sebagai analogi sastera.
- e) Nas al-Qur'an menentukan penerimaan puisi dalam Islam kerana kaitannya dengan amalan soleh. Justeru, hukum kesusasteraan dalam Islam bergantung kepada kesannya kepada pendengar atau pembaca.
- f) Antara mesej sasterawan Muslim ialah menegakkan kebenaran dan kebajikan berpandukan prinsip ikutan serta teladan yang terdapat dalam kisah-kisah keahlawanan dan puisi pujian, ratapan atau ghazal.
- g) Watak utama sesuatu karya kesusasteraan merupakan penghayatan makna serta contoh pemikiran tertentu di samping menjadi ikutan. Maka watak tersebut perlulah bersesuaian dengan realiti bagi mendapat sambutan pembaca dan pendengar serta menjaga batasan sebenar realiti itu.

Menurut Mafaz Mujahid Mustafa (2004), seseorang penulis dan karyawan Muslim perlu mempunyai kriteria berikut:

- a) Sentiasa hidup dalam situasi baik berasaskan kepercayaan serta keimanan yang merupakan roh kebahagiaan, ketenangan, dan keyakinan.
- b) Gemar dalam mencapai impiannya dan tidak bersetuju dengan mana-mana kefahaman lain yang membatasi penguasaan serta hak mutlak Allah SWT dalam kehidupan dan kemasyarakatan
- c) Tidak bersifat dogmatik. Antara contoh dogmatisme ialah Romeo and Juliet, karya William Shakespeare.
- d) Sasterawan Muslim perlu mempunyai keyakinan yang kuat, realistik, dan optimis.

Iltizam akidah dan akhlak merupakan komitmen utama sasterawan Muslim. Dia hendaklah meletakkan matlamat pengkaryaannya dengan memelihara nilai-nilai asas Islami sebagai sasterawan Muslim sebenar. Justeru, sasterawan mempunyai kaedah dan cara tersendiri dalam mencapai objektif serta matlamat di samping iltizam terhadap kewajipan akidah dan masyarakat (al-'Uwayshiq, 'Abdullah bin Hamad (1390H)). Sasterawan Muslim yang komited dengan nilai dan pandangan dalam aspek kemasyarakatan dapat meluaskan pengaruhnya ke atas pendapat serta fahaman manusia. Sasterawan tersebut mengungkapkan fahaman dan kecenderungan tersebut bersesuaian dengan ajaran Islam serta bercirikan nilai-nilai agama. Perkara ini bukanlah pelik dan bercanggahan dengan Sastera Islami. Prinsip dan ciri iltizam bukan menjadi halangan kepada sasterawan dalam berkarya serta memaksakannya melakukan sesuatu di luar kemampuan.

Iltizam sastera yang dianuti oleh masyarakat terdahulu seperti Mesir kuno dan Yunani berasaskan agama dan pegangan mereka. Dalam masyarakat Eropah (sejak era pertengahan hingga terdirinya realiti fahaman Komunisme pada 1917), fenomena iltizam mewarnai pergabungan puisi dengan agama dan akhlak. Kemudian zahir pula gambaran iltizam bercirikan kemasyarakatan dan politik seperti puisi klasik Perancis yang berasaskan akhlak (al-Khunayyin, 1408H).

Menurut Abd al-Hamid Buzwinah, antara ciri keistimewaan Sastera Islami yang memberi kesan secara langsung dalam masyarakat Islam ialah iltizam sasterawan atau karyawan Muslim selaras dengan metode kesenian Islami. Perkara ini penting apabila dia mempersembahkan karya berkaitan dengan kemasyarakatan. Iltizam yang sahih dianggap sebagai prinsip utama mazhab Sastera Islami dalam menghasilkan sastera yang berfokus terhadap individu serta masyarakat secara saksama (Husayn, Nasr al-Din Ibrahim Ahmad, 2008a).

Justeru, iltizam Islami terbit daripada aktiviti-aktiviti Islam dalam rangkuman keindahan, ciri dan tabiat sastera. Asasnya adalah harus sekiranya tiada nas atau ketetapan pengharamannya dan tidak bertentangan dengan fitrah, kemaslahatan dan nurani manusia (Husayn, Nasr al-Din Ibrahim Ahmad, 2008b). Secara kesimpulannya, Sastera Islami perlu disepadukan bagi mengelakkan percanggahan daripada aspek istilah, akidah islamiah, ilmu-ilmu turath (warisan), dan idealogi pemikiran. Hal ini penting kerana teori Sastera Islami memerlukan metode ilmiah khusus dalam menganalisis pelbagai teks dan wacana Sastera Islami (Mohd Zuhdi Ismail, 2013). Justeru itu, metode di atas hendaklah didasari dengan asas dan kaedah penting yang berkonsepkan Islam. Ini kerana objektif utama

kesusasteraan ialah kesucian jiwa serta hati dan membaiki masyarakat. Maka, akidah yang betul merupakan asas kesucian pengkaryaan kerana seseorang muslim perlu beriltizam dalam agamanya.

8. Penutup

Agama Islam bukan hanya tertentu kepada ibadat, tetapi agama yang luas rangkumannya seluas keperluan manusia. Ia tidak bertentangan dengan keperluan kehidupan manusia dan cita rasanya yang indah. Islam, agama dan pengamalan merupakan manhaj kehidupan. Ia menghimpunkan teori dan praktis. Islam tidak pernah membelakangi kesenian para sasterawan Muslim yang berjaya dan unggul dalam bidang masing-masing dan menghasilkan karya-karya ulung bercirikan kemantapan serta ketulenan, jauh daripada syirik dan penyelewengan akidah. Mereka mengungkapkan gambaran masyarakat bersesuaian dengan masa dan waktu. Mereka juga menjadi pencetus pemikiran masyarakat. Ramai berpendapat bahawa kepelbagaiannya dan persengketaan darinya memberi kesan jangka panjang terhadap perpecahan umat. Akan tetapi dalam masyarakat Islam, kepelbagaiannya dan perbezaan fahaman (mazhab) merupakan gambaran sebenar tentang kebebasan berfikir dan cetusan idea.

Perkara ini merupakan setengah daripada ciri ketamadunan Islam. Ia adalah gambaran sebenar Islam, iaitu metode pemikiran dan kehidupan. Kesenian Islam, terutamanya Sastera Islami memainkan peranan besar ke atas keberkesanan penerimaan, idea dan kehidupan manusia. Konsep pengislaman ini tidak akan tercapai melainkan berhimpun pemikiran dan kehidupan, serta teori dan praktis.

Rujukan

- Al-'Uwayshiq, 'Abdullah bin Hamad (1390H). *al-Adab fi khidmat al-Hayah wa al-'Aqidah*. Beirut: Dar al-'Arabiyah
- al-Islamiyah fi al-adab*. (2011). <http://www.saaid.net/feraq/mthahb/100.htm>
- al-Khunayyin, N. A.R. (1408H). *al-Iltizam al-Islami fi al-shi'r*. Dar al-Asalah.
- al-Nadwi, M. R. H. (1985). *al-Adab al-Islami wa silatuh bi al-hayah*. Dar al-Sahwah lil-Nashr.
- al-Qur'an al-Karim.
- Haddarah, M.M. (1998). *Taj al-Din al-Subki wa al-Qadaya al-Adabiyyah*. Dar al-Fath
- Husayn, Nasr al-Din Ibrahim Ahmad. (2008a). *Ishkaliyat al-iltizam al-Islami fi daw'al-qissah al-'Arabiyyah al-hadithah: dirasah naqdiyah tahliliyah*. Percetakan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Husayn, Nasr al-Din Ibrahim Ahmad. (2008b). *al-Adab al-Islami dirasah nazariyah wa tatbiqiyyah*. Percetakan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Kamariah Kamaruddin. (2011). *Takmilah dalam Novel Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Zuhdi Ismail. (2013). *Sastera Islami: Puisi Umawi menurut Gagasan al-Nadwi*. Tesis Sarjana. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mustafa, M. (2004). Criteria for Islamic literature and literary criticism. 'Ulum Islamiyyah. *The Malaysian Journal of Islamic Sciences*, 3(1), 67-90.
- Rahmah, A. O. & 'Adli, Y. (2008). *al-Islam wa al-adab al-Malayuwi: Tahlil lil-niqashat fi Maliziya*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Sa'i, A. B. (1405H). *al-Waq'iyyah al-Islamiyah fi al-adab wa al-naqd*. Dar al-Manarah.
- Subh, A. A. (1998). *al-Adab al-Islami bayn al-nazariyah wa al-tatbiq*. (Jilid 3). al-Jeraysi.